

11 AUG 2000

Abu Hassan-Senarai

UMNO SELANGOR SERAHKAN SENARAI NAMA CALON MB KEPADA PM

PUTRAJAYA, 11 Ogos (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Selangor hari ini menyerahkan senarai nama calon Menteri Besar Selangor kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Senarai itu diserahkan oleh Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib kepada Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, bagi mengisi kekosongan ekoran peletakan jawatan Datuk Seri Abu Hassan Omar semalam.

Muhammad yang diiringi Setiausaha badan itu, Datuk Onn Ismail dan anggotanya Datuk Aini Taib dan Datuk Ghazi Ismail, berjumpa Dr Mahathir selama 30 minit.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas perjumpaan itu, Muhammad berkata Dr Mahathir akan mempertimbangkan senarai itu dan membuat keputusan.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan jumlah calon yang disenaraikan.

"Kita hantar beberapa nama... Biarlah PM timbang," kata Muhammad.

Muhammad berkata senarai itu "memadai" dan "PM telah menerimanya."

Ketika ditanya bila Dr Mahathir dijangka mengumumkan nama Menteri Besar yang baru, Muhammad berkata: "Saya fikir lagi cepat lagi baik."

Beliau berkata langkah mengemukakan senarai itu kepada Dr Mahathir adalah ekoran keputusan mesyuarat khas badan itu semalam.

Semalam, satu sumber memberitahu Bernama 10 nama daripada kalangan anggota Exco Kerajaan Negeri dan anggota Dewan Undangan Negeri Umno akan diserahkan kepada Perdana Menteri sebagai cadangan untuk jawatan Menteri Besar Selangor yang baru.

Menurut sumber itu, mereka terdiri daripada empat anggota Exco Kerajaan Negeri dan enam ADUN yang memegang jawatan ketua Umno di bahagian masing-masing.

Anggota Exco daripada Umno ialah Timbalan Menteri Besar Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad selaku pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam dan Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Pembangunan Kemanusiaan; Datuk Abdul Fatah Iskandar (pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Industri Kecil dan Sederhana dan Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan);

Datuk Mohd Sharif Jajang (pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Jawatankuasa Tetap Penerangan dan Teknologi Maklumat); Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahlan (pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jawatankuasa Tetap Setinggan);

Datuk Haji Raja Ideris Raja Ahmad (pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar dan Jawatankuasa Tetap Pertanian dan Perikanan), dan; (Puan) Norkhaila Jamaluddin (pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Jawatankuasa Tetap Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat).

ADUN Umno yang menjadi ketua bahagian selain anggota Exco itu ialah Datuk Mohd Idris Abu Bakar (Hulu Selangor), Datuk Zakaria @ Zainal Md Deros (Klang), Datuk Mohd Satim Diman (Puchong), Datuk Mufti Suib (Ampang), Datuk Ahmad Bhari Abdul Rahman (memangku Ketua Umno Selayang) dan Datuk Salamon Selamat (Shah Alam).

-- BERNAMA

HS ES NMO